

# KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA PIALA REKTOR

**Kelab Badminton Staf KUKUM** telah menganjurkan Kejohanan Badminton Terbuka Piala Rektor bertempat di Dewan Badminton Melayu Kangar, Perlis pada 25 hingga 26 Disember 2004. Penyertaan terbuka kepada semua warga KUKUM dan masyarakat luar ini menyaksikan Makhazim Mohamad dan Ajis Mat muncul johan bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka. Manakala, M. Afiz Ismail dan Mohd Wafiuddin Yahya (PKK Mikroelektronik) johan bagi Kategori Beregu Lelaki Novis.

Selain itu, bagi kategori Beregu Wanita pula Johan disandang oleh Jarina Jaafar dan Devi serta johan bagi Kategori Beregu VIP Jemputan diungguli oleh Suhairil Sheriff dan Mohd Radzuan Radzi.